

1  
NO. SOALAN : 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT]**

**TARIKH JAWAPAN : -  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi memastikan air yang dibekalkan kepada rakyat tidak tercemar oleh logam berat hasil buangan industri dan ubatan oleh manusia melalui proses semula jadi.

## **JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pencemaran sumber air di negara kita berada pada tahap yang membimbangkan. Kerajaan melalui agensi-agensi yang berkenaan sama ada di peringkat Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan sumber air tidak tercemar supaya air terawat yang dibekalkan kepada pengguna adalah selamat untuk digunakan. Antara langkah yang diambil adalah melalui penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) di mana pelepasan sisa industri diwajibkan mematuhi had-had pelepasan di bawah Akta tersebut.
  
2. Selain itu, Kementerian ini telah mengesyorkan supaya setiap Kerajaan Negeri membuat pindaan ke atas enakmen air masing-masing dengan memasukkan peruntukan yang membolehkan kawalan dan pengawalseliaan terhadap sumber air dan kawasan tадahan dikuatkuasakan secara sistematik dan berkesan. Kementerian ini juga, melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Jabatan Bekalan Air (JBA) turut memantau kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna melalui program audit

teknikal sistem bekalan air serta menetapkan piawaian kualiti air sebagai salah satu *Key Performance Indicator* (KPI) terhadap operator-operator air.

3. Pada masa yang sama, semua pihak berkuasa yang berkaitan terutamanya Kerajaan-kerajaan Negeri perlu memainkan peranan masing-masing dalam melindungi sumber air bagi memastikan ia tidak tercemar dan memberi kemudaratian kepada kesihatan pengguna.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
[ PARIT ]**

**SOALAN : 53**

**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah jaminan Kementerian bagi memastikan syarikat penerbangan tidak mengenakan caj kepada penumpang, setelah semua operasi penerbangan dipindahkan ke KLIA 2.

## **JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Parit, caj-caj yang dikenakan oleh syarikat penerbangan haruslah berpatutan dan berdasarkan kepada perkhidmatan yang disediakan. Sekiranya, caj-caj yang dikenakan adalah tidak berpatutan dan tidak mempunyai justifikasi yang kukuh, Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas pihak-pihak yang berkaitan.